

# PMS-CITALOPRAM TABLET

Citalopram (20mg)

---

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan pms-Citalopram
2. Bagaimana pms-Citalopram berfungsi
3. Sebelum menggunakan pms-Citalopram
4. Cara menggunakan pms-Citalopram
5. Semasa menggunakan pms-Citalopram
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan pms-Citalopram
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan pms-Citalopram

Anda telah dipreskripsikan dengan pms-Citalopram oleh doktor anda untuk melegakan gejala-gejala kemurungan. pms-Citalopram juga digunakan sebagai rawatan jangka panjang sekiranya anda mengalami episod kemurungan yang berulangan. pms-Citalopram juga bermanfaat untuk melegakan gejala serangan panik dan *obsessive-compulsive disorder* (OCD; Pemikiran berlarutan dan berterusan [obsesi] yang menyebabkan desakan untuk melakukan sesuatu secara berulang-ulang [kompulsi]).

## Bagaimana pms-Citalopram berfungsi

pms-Citalopram tergolong dalam kumpulan antidepresan yang dikenali sebagai *selective serotonin reuptake inhibitor* (SSRI). Ubat-ubatan ini membantu memperbetulkan ketidakseimbangan bahan kimia tertentu di dalam otak anda yang

menyebabkan gejala penyakit ini.

## Sebelum menggunakan pms-Citalopram

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil pms-Citalopram tablet jika anda:

- alergik (hipersensitif) terhadap citalopram atau mana-mana bahan kandungan tablet pms-Citalopram yang lain (*sila rujuk senarai bahan kandungan*)
- mengambil ubat yang dikenali sebagai *monoamine oxidase inhibitor (MAOI)*

Jika anda mengalami salah satu keadaan tersebut, jangan ambil ubat ini dan maklumkan doktor.

Pengambilan pms-Citalopram dengan MAOI boleh menyebabkan reaksi yang serius dengan ciri-ciri yang menyerupai "sindrom serotonin". Gejala-gejala ini termasuk demam yang sangat tinggi, kekejangan otot, degupan jantung yang pantas, kekeliruan, keresahan melampau dan koma. Doktor anda akan tahu bila ianya selamat untuk memulakan pms-Citalopram selepas MAOI dihentikan, atau untuk memulakan MAOI lain selepas menghentikan rawatan dengan pms-Citalopram.

### - Sebelum mula mengambil

Maklumkan doktor anda jika anda mempunyai mana-mana masalah berikut:

- penyakit hati
- penyakit buah pinggang
- penyakit jantung
- penyakit kencing manis
- penyakit epilepsi

- pendarahan atau pernah mengalami pendarahan dalam perut atau usus
- mania (kegembiraan keterlaluan yang menyebabkan kelakuan luarbiasa) atau gangguan panik
- Terapi elektrokonvulsif (ECT), biasanya digunakan untuk merawat kemurungan yang teruk.
- Maklumkan kepada doktor anda jika anda mengandung atau menyusukan anak, atau merancang untuk hamil atau menyusukan. Jangan mengambil pms-Citalopram, melainkan jika anda dan doktor anda telah membincangkan risiko dan manfaat yang terlibat.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang mengambil atau baru-baru ini telah mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang diperolehi tanpa preskripsi. Jika anda mengambil mana-mana ubat berikut, sila beritahu doktor anda:

- Sumatriptan, lithium, imipramine dan desipramine, ubat yang mengandungi selegiline, cimetidine, aspirin, *nonsteroidal anti-inflammatory drug (NSAID)* seperti ibuprofen dan diclofenac, metoprolol, tramadol, bupropion, phenothiazine derivatives, *tricyclic antidepressants (TCAs)*, antibiotik tertentu
- Produk semula jadi atau herba yang mengandungi *St. John's Wort (Hypericum perforatum)*

## Cara menggunakan pms-Citalopram

### - Berapa banyak harus diambil

Biasanya doktor anda akan mempreskripsi 20mg sehari (untuk kemurungan atau OCD) atau 10mg sehari (untuk serangan panik), di mana anda akan mengambilnya sekali sehari pada masa yang sama. Bergantung kepada tindak balas anda, dos anda mungkin ditambah mengikut keperluan sehingga kepada dos maksimum 60 mg sehari.

Sekiranya anda seorang warga tua atau anda mempunyai masalah hati, doktor anda mungkin menetapkan dos yang lebih rendah.

pms-Citalopram tidak sepenuhnya diberikan kepada kanak-kanak atau remaja (<18 tahun).

### - Bila perlu diambil

Adalah penting untuk anda mengambil pms-Citalopram seperti yang diarahkan oleh doktor anda. Telan seluruh tablet dengan sedikit air. Ia tidak digalakkkan untuk minum alkohol semasa rawatan dengan pms-Citalopram.

### - Berapa lama perlu diambil

Anda harus mengambil pms-Citalopram tablet selagi ianya disarankan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa untuk mengambil satu dos, jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlupa. Ambil tablet yang seterusnya pada masa yang biasa. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika tidak pasti.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda secara tidak sengaja telah mengambil dos berlebihan pms-Citalopram, hubungi doktor atau hospital dengan segera untuk mendapatkan nasihat. Tunjukkan mereka pek tablet anda. Rawatan perubatan mungkin diperlukan.

Gejala dos berlebihan mungkin termasuk pernafasan yang pantas dan mendalam, rasa loya, muntah-muntah, pening, berpeluh dan dahaga. Kes-kes yang teruk boleh menyebabkan demam, pendarahan, keterangsangan, kebingungan, fits atau koma dan kegagalan pernafasan.

## Semasa menggunakan pms-Citalopram

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ikat arahan pengambilan pms-Citalopram seperti yang diarahkan oleh doktor anda. Tanya doktor atau ahli farmasi jika anda mempunyai sebarang keraguan.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil pms-Citalopram kecuali disuruh berbuat demikian oleh doktor anda. Doktor anda mungkin menginginkan anda mengurangkan secara beransur-ansur pengambilan pms-Citalopram anda sebelum berhenti sepenuhnya.

Jangan menggunakan pms-Citalopram untuk merawat sebarang keadaan lain melainkan jika doktor memberitahu anda untuk berbuat demikian.

Jangan memberi atau mengesyorkan pms-Citalopram kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama dengan anda.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

## Memandu dan menggunakan mesin

pms-Citalopram biasanya tidak memberi kesan buruk terhadap keupayaan untuk menjalankan aktiviti harian. Walau bagaimanapun, jika anda berasa pening atau mengantuk apabila anda mula mengambil ubat ini, anda perlu berhati-hati ketika memandu, mengendalikan mesin atau melaksanakan pekerjaan yang memerlukan anda berwaspada sehingga kesan-kesan tersebut hilang.

## Masalah Emosi atau Tingkah Laku

Terutamanya dalam beberapa minggu pertama atau apabila dos diselaraskan, sebilangan kecil pesakit yang mengambil ubat-ubatan jenis ini mungkin akan rasa lebih teruk. Mereka mungkin mengalami perasaan kegelisahan, permusuhan, kebimbangan, impulsif (bertindak mengikut naluri tanpa memikirkan keputusan) atau akan terfikir membunuh diri atau membahayakan orang lain.

Pemikiran dan tindakan membunuh diri boleh berlaku dalam semua kumpulan umur tetapi mungkin kerap berlaku di kalangan mereka yang berumur antara 18 hingga 24 tahun.

Sekiranya ini berlaku kepada anda, sila rujuk kepada doktor anda dengan segera.

Pemerhatian rapat oleh doktor adalah diperlukan dalam situasi sebegini. Jangan berhenti ubat anda dengan sendiri.

Jika anda mempunyai pemikiran mencederakan atau membunuh diri anda pada bila-bila masa, **hubungi doktor anda atau pergi ke hospital dengan segera.**

## Kesan sampingan

Seperti ubat lain, pms-Citalopram boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya.

**Hubungi doktor anda dengan segera jika anda mengalami mana-mana gejala berikut selepas mengambil ubat ini kerana ia boleh menjadi serius:**

- kesukaran bernafas
- bengkak pada muka, bibir, lidah atau tekak yang menyebabkan kesukaran bernafas atau menelan
- gatal-gatal kulit yang teruk

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mendapati apa-apa lagi yang membuat anda merasa kurang sihat. Kesan sampingan yang lain tidak disenaraikan di atas boleh berlaku pada sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers→ Reporting*)

## Cara penyimpanan dan pelupusan pms-Citalopram

### - Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C, jauh daripada cahaya matahari. Simpan di tempat yang dingin serta kering. Jauhkan daripada kanak-kanak.

### - Pelupusan

Jika doktor memberitahu anda untuk berhenti mengambil pms-Citalopram tablet, ataupun tablet anda telah melepassi tarikh luput, tanya ahli farmasi bagaimana menguruskan ubat tersebut.

Jangan membuang baki ubat atau ubat yang luput tarikh ke

dalam tong sampah.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna ubat

Tablet berbentuk bujur, berwarna putih bersalut selaput, bergarisan skor pada satu sisi. Deboss "20" pada sisi lain.

### - Bahan-bahan kandungan

- *Bahan aktif*: Citalopram hidrobromide.

- *Bahan tidak aktif*: *Colloidal silicon dioxide, hydroxypropyl cellulose, hydroxypropyl methylcellulose, lactose monohydrate, magnesium stearate, microcrystalline cellulose, polyethylene glycol, sodium starch glycolate and titanium dioxide.*

### - Nombor MAL

MAL08082705A

## Pengilang

Pharmascience Inc.  
6111 Royalmount Avenue,  
Suite 100, H4P2T4 Montreal  
Quebec, Canada

## Pemegang Pendaftaran Produk

Medicell Pharmaceutical (Malaysia) Sdn Bhd (898390-M)  
Suite 16-03, Menara AmFIRST,  
1, Jalan 19/3,  
46300 Petaling Jaya,  
Selangor, Malaysia

## Tarikh kemaskini RiMUP

14/08/2015

## Nombor Siri

BPFK(R4/1)140815/00250